

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

YSF 501 – Filem, Televisyen dan Masyarakat

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi muka surat bercetak dan soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA (2) soalan. Anda boleh menjawab dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Filem cereka muncul dari budaya kota metropolitan yang kompleks dan tersendiri yang mencirikan negara Amerika dan Britain di akhir abad ke-19. Untuk memahami filem cereka ini, adalah baik merujuk kepada konteks ia muncul dalam budaya popular di abad ke-19.

Bincang dan komentari pernyataan ini dengan mengidentifikasi ciri-ciri penting budaya dan masyarakat kota di akhir abad ke-19 dan kaitannya dengan media filem.

(Movies emerged out of a complex and distinctive metropolitan and urban culture which characterized late 19th century America and Britain. The movies therefore can be best understood by reference to that context of 19th century popular culture from which they emerged.)

Discuss and comment this statement by identifying the key characteristics of late 19th century urban culture and society and relating them to the film medium).

(100 markah)

2. Industri perfileman Amerika khususnya Hollywood telah mendominasi layar perak di seluruh dunia lebih dari 50 tahun. Jelaskan bagaimana produser Amerika telah berjaya mengekalkan dan meneruskan dominasi ini dan bincang implikasi budaya serta impak ke atas industri perfilemen negara.

(The American film industry, especially Hollywood has dominated the world screens for more than 50 years. Explain how the American producers have successfully established and continued this domination and discuss its cultural implications and its impact on national film industries).

(100 markah)

3. Sejak dari awal, filem telah dikritik oleh kerana beberapa sebab. Jelaskan beberapa isu signifikan dan berpanjangan berkaitan dengan kandungan filem serta bincang mengapa isu-isu ini telah menimbulkan banyak kebimbangan dan perasaan tidak senang. Berikan juga komen tentang mengapa masalah-masalah ini masih tidak diatasi malah semakin menjadi-jadi.

(Since the very beginning, films have been criticized for a number of reasons. Explain some of the most significant and lasting issues relating to film content and discuss why these issues have raised so much concern and discontent. Also comment on why these problems have not been remedied and are in fact steadily on the increase.)

(100 markah)

4. Televisyen muncul di persada media di Amerika dan negara-negara lain pada tahun 1950-an.. Ramai yang mempercayai bahawa televisyen bertanggungjawab ke atas kejatuhan media filem. Apakah yang anda anggap sebagai sebab-sebab utama ke atas kejayaan media televisyen? Jawab soalan ini dengan membincangkan ciri-ciri media televisyen serta konteks sosio-budaya dan ekonomi yang telah menyumbang kepada kejayaannya sebagai media massa.

(Television arrived on the media scene in America and in other countries in the 1950s. Many believe that it was television which was responsible for the decline of the film medium. What would you consider to be the main reasons for the success of the television medium? Answer this question by discussing the characteristics of the TV medium as well as the socio-cultural and economic context which contributed to its success as a mass medium).

(100 markah)

-000Oooo